

CNS9206

R CB 03-09 00115 BH645

BAH

Mahathir - Jamuan

MELAKA. 3 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamed Ali malam ini diraikan pada jamuan malam di sebuah hotel di sini.

Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Rahim Tambu Chik serta para menteri Persekutuan, yang akan menghadiri mesyuarat mingguan jemaah menteri esok, turut hadir pada jamuan itu.

Mailis tersebut anjuran kerajaan negeri Melaka disertai dengan acara lawak jenaka dan tarian kebudayaan Melayu.

Esok, Perdana Menteri akan mempengerusikan mesyuarat mingguan jemaah menteri di sini, yang ketiga kali diadakan di luar Kuala Lumpur selepas Langkawi dan Kuching, Sarawak. -- Bernama

♥03/09/23-04MST